

MAHATHIR-BRITISH

(1)

1984

KUALALUMPUR, 12 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN BAHAWA MALAYSIA TELAH BERTINDAK BALAS TERHADAP KERAJAAN BRITISH KERANA ISU MAS-BRITISH AIRWAYS DENGAN TIDAK MAHU MEMBELI BARANG-BARANG BUATANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SETAKAT YANG DIKETAHUIINYA, TIDAK ADA TINDAKAN SEUMPAMA ITU DIAMBIL WALAUPUN KERAJAAN BRITISH ENGGAN MEMBERIKAN KEPADA MAS TAMBAHAN HAK MENOARAT DI LONDON.

BELIAU MENGULAS LAPORAN AKHBAR THE SUNDAY TIMES DI LONDON YANG MENYATAKAN MALAYSIA TELAH MENGAMBIL TINDAKAN BALAS TERHADAP BRITAIN MENGENAI ISU MAS-BRITISH AIRWAYS DENGAN TIDAK MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH SUNGGUHPUN DASAR BELI BARANG BRITISH AKHIR MAHATHIR TAMAT AKHIR TAHUN LALU.

+SETAKAT YANG SAYA TAHU, ITU TIDAK BETUL . . . NAMPAKNYA AKHBAR LONDON ITU LEBIH TAHU APA YANG SAYA FIKIR DARIPADA DIRI SAYA SENDIRI, + TAMBAHNYA.

MENURUT LAPORAN AKHBAR ITU, PERBADANAN INDUSTRI BESI WAJA BRITISH TIDAK LAGI MENERIMA TEMPAHAN DARI MALAYSIA DAN MENYATAKAN MALAYSIA SEKARANG MULA MEMBELI PESIWAJA DARI POLAND. -- LAGI .
2046MST 12 11 84

U 8590

U 8590 DEB

MAHATHIR-BRITISH 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENERANGKAN, PERERAPA FAKTOR DIBERI PERTIMBANGAN SEBELUM MENGIMPORT BARANG DARI MANA-MANA NEGARA. INI TERMASUK HARGA, IMBANGAN BAYARAN, DAN IMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

+BANYAK FAKTOR YANG HARUS DITIMBANGKAN. HARGA HANYALAH SATU DARIPADANYA. LAIN-LAIN FAKTOR YANG DITIMPANGKAN IALAH IMBANGAN BAYARAN DAN SAYA FIKIR ITULAH SEBABNYA, + KATANYA Sambil menafikan dakwaan bahawa Malaysia sekarang memulaukan barang-barang British.
-- BERNAMA.

2047MST 12 11 84